

USIM dekati konsep wakaf Pondok Modern Gontor

SEREMBAN 25 Feb. - Delegasi sebanyak 24 orang dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai dekat sini telah melakukan lawatan kerja ke Institut Studi Islam Darussalam (ISID), Pondok Modern Gontor, Yogyakarta, Indonesia baru-baru ini.

Lawatan itu diketuai Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail, bertujuan mengukuhkan kerjasama antara universiti itu dengan ISID dan Universiti Islam Indonesia (UII).

Selain itu, USIM juga mahu meninjau aspek inovasi, kecemerlangan dan amalan baik ISID yang boleh diadaptasi oleh universiti itu dalam usaha memantapkan operasi terutamanya dari segi penjaan kewangan universiti dan program keusahawanan serta mempelajari semangat kesukarelawan kakitangan di sana.

ISID yang bersifat mandiri telah menarik minat Asma untuk mempelajari aspek pembangunan dan pengurusan institut yang ditadbir me-



ASMA Ismail (depan, enam dari kanan) bergambar bersama delegasi USIM yang melakukan lawatan ke Rumah Sakit JIH di Yogyakarta, Indonesia, baru-baru ini.

nerusi pembiayaan wakaf serta penjaan kewangan daripada perusahaan yang dijalankan sendiri oleh

pelajar di universiti berkenaan.

Yang menarik, warga pentadbir dan tenaga pengajar ISID tidak menerima

sebarang bayaran dalam mencurahkan ilmu kepada para pelajarinya.

"Inilah konsep wakaf jiwa yang

menjadi amalan warga pendidik serta pengurusan tertinggi Pondok Modern Gontor yang mengabdikan ser-

ta mengorbankan seluruh tenaga, masa dan usaha dalam membangunkan pelajar dan institusi berkenaan.

"Saya amat tertarik untuk membawa delegasi USIM ke ISID bagi mempelajari konsep ibadah dalam menjalankan tanggungjawab dan amanah, di samping berkongsi ilmu dalam misi menyampaikan ilmu kepada warga USIM," kata Asma.

Sementara itu, kunjungan ke Rumah Sakit JIH turut memberi kesan besar yang mana merupakan hospital swasta yang dikendalikan oleh Badan Wakaf UII.

Ini sejajar dengan perkembangan USIM yang bakal menguruskan Klinik Pakar Kesihatan USIM, dikendalikan doktor pakar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dan Fakulti Pergigian (FPg) universiti itu serta Pusat Hemodialisis selepas Pusat Pembangunan Pembiayaan Wakaf USIM menerima dana RM3.5 juta daripada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.